



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PELAKSANAAN SISTEM *e-EXECUTION* SECARA RINTIS DI MAHKAMAH KUALA LUMPUR DAN MAHKAMAH SHAH ALAM MULAI 1 JUN 2021**

Selari dengan perkembangan informasi dan pendigitalan teknologi, Badan Kehakiman Malaysia telah memulakan inisiatif dengan melaksanakan Sistem *e-Execution* bagi menyediakan kaedah Pengurusan Pelaksanaan Selepas Penghakiman secara dalam talian. Sistem *e-Execution* ini akan dilaksanakan mulai 1 Jun 2021 secara rintis di Mahkamah Kuala Lumpur dan Mahkamah Shah Alam, Selangor.

Melalui Sistem *e-Execution* ini, semua borang dan notifikasi berkaitan seperti Notis Pengosongan Premis, Laporan Bailiff dan Borang Penyerahan Milikan Kosong akan menggunakan *e-Form*. Bailif yang terlibat akan dibekalkan dengan peranti elektronik iaitu *tablet* bagi tujuan memuatnaik laporan-laporan berkaitan di lokasi kejadian ke dalam platform *Case Management System* (CMS) dengan serta merta.

Selain itu, pihak-pihak yang terlibat juga boleh menyemak ketulenan dokumen yang disediakan melalui imbasan kod QR yang tertera pada bahagian bawah dokumen Mahkamah. Semasa di lokasi, dokumen-dokumen ini boleh di e-mel secara terus kepada peguam/agensi yang mengendalikan kes-kes pelaksanaan tersebut.

Modul *e-Execution* ini mencerminkan kesungguhan Badan Kehakiman dalam memastikan penyampaian dan pentadbiran keadilan dalam urusan Harian

Mahkamah di samping menjamin ketelusan dan integriti pengendalian sesuatu kes adalah pada tahap optimum.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pengguna boleh layari laman web rasmi <https://efs.kehakiman.gov.my/EFSWeb/> atau berhubung dengan pegawai berikut:

**Puan Norhanum binti Hassan**

Timbalan Pendaftar

Bahagian e-Kehakiman

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

No. Tel : 03-8880 3587

Emel : [norhanum@kehakiman.gov.my](mailto:norhanum@kehakiman.gov.my)

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 1 Jun 2021**